# Pembinaan negara

Disertakan oleh Pengendali Laman
Wednesday, 03 October 2007

Berikut ialah beberapa kemusykilan saya:

1.
Adakah kita kena tumpukan pada pembetulan solat dan akhlaq (bab iman dan amal) dulu tanpa memikirkan konsep dan usaha-usaha ke arah penegakan/mengoperasikan negara Islam?

Jawapan THTL:

Ini
adalah konsep sami atau rahib. Dalam Islam: tasyri' kamil atau syari'at telah lengkap sempurna. Konsep yg betul ialah: perbetulkan solat anda dan tegakkan daulah Islam serentak.

-------------

2. Adakah di kalangan umat Islam Malaysia tiada segelintir pun yg mencapai tahap solat dan akhlaq yang dikehendaki, termasuk di kalangan ulamak yg ada?

Jawapan THTL:

Akan
sentiasa ada segolongan umatku yg berjalan di atas hak hingga datang ketentuan Allah. (al-hadis)

--------------

3. Berapakah bilangan muslim apabila tertegakknya negara Islam

pertama di Madinah ? (Mungkin lebih menarik kalau dapat cari nisbah yang Muslim berbanding dengan yang non-Muslim)

4. Apakah semua Muslim dalam generasi penegak negara Islam pertama di Madinah itu sama dari segi kualiti solatnya, akhlaq dllnya ? (Saya pernah terdengar/terbaca ttg terminologi 'kibaru sahabah' yg diberikan kepada sahabat-sahabat utama, benarkah ?)

5. Berapa ramaikah Muslim yg berkualiti ini diperlukan untuk menanam asas pemerintahan/negara Islam (Mungkin nisbah sahabat-sahabat utama berbanding dengan sahabat biasa signifikan?)

6. Apakah perbezaan suasana (keluasan geografi dan kemudahan logistik) sekarang dan pada zaman Rasulullah saw ada signifikannya dalam membahaskan tentang proses menegakkan negara Islam ini ?

Jawapan THTL:

Rumusan soalan 3-6:

Isu-isu yang dibangkitkan di atas adalah isu mainan politik semasa yang dimainkan oleh orang-orang politik yang berdolak dalik dalam usaha menegakkan Islam dalam kehidupan individu, masyarakat dan bernegara. Isu ini dibangkitkan kerana mereka ingin mengekalkan konsep negara yg diterima dari penjajah; sebuah negara sekuler dan Islam hanya sebagai agama peribadi dan hal-hal kekeluargaan sahaja.

Sebenarnya sistem Islam boleh dilaksanakan dalam sebuah kampung sekangkang kera atau bila ada tiga orang keluar musafir. Yang sebenarnya, kita hendaklah menegakkan Islam secara syumul dan kamil dalam setiap kesempatan, baik islam sebagai majoriti atau minoriti. Jihad adalah senjata untuk melaksanakan semua itu tanpa mengira jumlah orang Islam, bilangan mereka yang beriman dan bersolat, dsbnya.